

09 FEB 2004

DR MAHATHIR UCAP TERIMA KASIH KEPADA ATM ATAS KEAMANAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad malam ini melahirkan penghargaan beliau kepada Kementerian Pertahanan yang telah berjaya menjalankan tugas menjaga keselamatan negara.

Beliau berkata "Saya sentiasa berterima kasih kerana pengorbanan mereka demi keamanan negara ini".

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis "Jasamu Dikenang Tun Dr Mahathir Mohamad ...bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM)" di sini, malam ini.

Majlis anjuran Kementerian Pertahanan itu diadakan sebagai satu tanda penghormatan Kementerian itu dan seluruh warga ATM kepada Dr Mahathir yang telah banyak menyumbang kepada perkembangan dan pemodenan ATM sepanjang beliau memimpin negara.

Turut hadir pada majlis itu ialah isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri Pertahanan dan isteri Datin Rosmah Mansor serta Panglima ATM Jen Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin.

Majlis makan malam berkonsepkan ketenteraan itu dihadiri lebih 500 warga ATM daripada cawangan Tentera Darat, Udara dan Laut yang hadir bersama isteri masing-masing.

-- BERNAMA
NER RV PR